

Stesen MRT KL Sentral mula dibina

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) akan melaksanakan kerja penempatan semula utiliti-utiliti sepanjang Jalan Damansara di depan Muzium Negara bagi memberi laluan untuk projek MyRapid Transit (MRT).

Kerja penempatan semula itu dilakukan bagi memberi ruang kepada pembinaan stesen MRT KL Sentral yang dijadualkan mengambil masa enam bulan bermula esok dan melibatkan penempatan semula paip air dan gas serta kabel komunikasi dan elektrik.

“Bagaimanapun, kerja penempatan semula ini tidak akan mengakibatkan penutupan mana-mana jalan di sepanjang Jalan Damansara. Kerja tersebut akan dijalankan di luar waktu puncak bagi meminimumkan kesulitan kepada orang awam, manakala tanda jalan akan ditempatkan di pelbagai lokasi untuk memberi amaran pada lokasi-lokasi kerja dijalankan,” kata MRT dalam kenyataan akhbaranya di sini hari ini.

Orang ramai boleh menghubungi hotline MRT di 1800-82-6868 atau melayari laman web www.kvmrt.com.my untuk mendapatkan maklumat lanjut.